

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(4)
Tarikh : 15 Januari 2024

KENYATAAN MEDIA

PEMERIKSAAN KESELAMATAN LANDASAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA PADA 13 MAC 2024

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengumumkan bahawa perkhidmatan funikular tidak akan disediakan dari pukul 6.15 pagi sehingga pukul 2.00 petang pada 13 Mac 2024 (Rabu).

Bil.	Tarikh	Masa
1	13 Mac 2024 (Rabu)	6.30 pagi – 2.00 petang

Perkhidmatan akan disambung semula pada pukul 2.00 petang dan seterusnya atau lebih awal jika pemeriksaan tamat lebih awal. Sila ikuti saluran media sosial Bukit Bendera untuk maklumat terkini.

Penutupan sementara perkhidmatan funikular adalah perlu untuk menjalankan pemeriksaan khas ke atas struktur landasan funikular. Pemeriksaan ini dijadualkan untuk tiga tarikh tertentu: 13 Mac 2024; tarikh seterusnya akan dibuat semasa penyelenggaraan dwi-tahunan pada Jun 2024 dan tarikh bagi satu lagi pemeriksaan khas akan diumumkan kemudian. Pemeriksaan berasingan adalah penting untuk memastikan penilaian menyeluruh terhadap integriti dan keselamatan landasan.

Landasan funikular seratus tahun, struktur buatan manusia yang bersejarah telah menjadi tulang belakang funikular selama lebih satu abad, memerlukan pemeriksaan berkala untuk memastikan ia terus memenuhi standard keselamatan dan dapat menyokong sistem funikular untuk memberikan perkhidmatan seperti yang diperlukan. Pemeriksaan penting ini bertujuan untuk mengekalkan standard keselamatan Perkhidmatan Funikular Bukit Bendera dan memelihara warisan funikular yang luar biasa ini.

PBBPP akan menjalankan pemeriksaan keselamatan ke atas keseluruhan sistem funikular, termasuk landasan dari semasa ke semasa. Ia bertujuan untuk menentukan kerja-kerja kejuruteraan penyelenggaraan dan menaik taraf yang diperlukan bagi memastikan semua aspek sistem funikular berada dalam keadaan terbaik untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk dan pengunjung.

PBBPP memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang di alami dan menghargai kefahaman anda. PBBPP sentiasa mengutamakan keselamatan penumpang dan menghargai kerjasama dan kefahaman orang ramai dan dalam masa yang sama PBBPP berusaha untuk mengekalkan perkhidmatan dan standard keselamatan yang tinggi di Bukit Bendera.

Saluran media sosial Bukit Bendera: -

Facebook - Penang Hill

Instagram / X (Twitter) - [mynpenanghill](#)

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
litan@penanghill.gov.my